

22/03/1998

Surat layang melayang-layang

ALKISAHNYA, bertaburanlah surat layang sana sini. Maklumlah, sekarang musim orang Melayu berpolitik. Sindrom surat layang ni memang selamanya wujud dalam Umno. Teman pun dah baca beberapa surat layang yang dihantar kepada teman. Semuanya memburuk-burukkan orang.

Tapi surat layang bukanlah terhad kepada Umno saja. Surat layang sebenarnya meliputi apa saja. Asal tak suka dengan seseorang atau sesuatu, maka surat layang ditulis, dicetak dan diedar. Dalam institusi dan syarikat serta organisasi yang penuh dengan orang Melayu, surat layang bukan perkara asing.

Jadi bagi teman, surat layang itu bukanlah budaya Umno. Ia sebenarnya dah jadi budaya orang Melayu. Surat layang dan pena beracun bukan sahaja berlegar sewaktu pemilihan parti. Dalam keadaan biasa pun ia begitu menonjol.

Kalau ia boleh dikatakan senjata, ia memanglah senjata. Namun ia bukanlah untuk mencari penyelesaian. Merosakkan adalah. Ia adalah cara untuk melepaskan geram, memuntahkan perasaan jelek terhadap sesuatu yang tidak disenangi.

Barangkali memang tabiat orang Melayu `segan' menjatuhkan air muka kawan atau lawan secara terbuka. Kononnya, kerana mahu menjaga maruah, mereka keberatan untuk berterus terang secara bersemuka. Kalau berterus-terang pun, ada batas dan sempadannya.

Tapi dalam surat layang, memanglah tak ada sempadan. Dalam surat layang, semuanya boleh dihentam. Malah ia melewati batas kesopanan dan kesusilaan, walaupun kebanyakan surat layang memulakan ayat mereka dengan memberi salam.

Lawan yang dicaci dalam surat layang biasanya tidak mengetahui siapa yang memakinya dalam surat layang dan yang menjijikkan ialah penulis surat layang boleh bermuka-muka dan meneruskan persahabatan seperti sediakala.

Itulah budaya mencerca orang Melayu. Itulah budaya durjana. Teman masih ingat dalam perhimpunan agung Umno awal tahun 90-an dulu, banyak dibicarakan mengenai surat layang. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyentuh panjang lebar mengenainya.

Datuk Seri Najib Tun Razak, yang ketika itu memegang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda, membidas perbuatan itu dan menyifatkannya meracuni fikiran ahli Umno. Beliau dengan lantang mengajak ahli Umno membongkar penulis surat layang yang disifatkannya sebagai pelesit.

Ada juga saranan agar Isa digunakan terhadap mereka yang bertanggungjawab menulis, mencetak dan mengedarkan surat layang durjana seperti itu.

Bagi teman, soal penting ialah siapakah pengecut yang `rajin' tulis surat layang? Pada hemat teman, surat layang biasanya tidak dilakukan oleh individu. Ada banyak kepala bergabung untuk menghasilkannya. Pencetakan dan penyebarannya begitu luas.

Ia juga bukan kerja orang yang tidak berpendidikan. Melihat pada tulisan, kertas yang digunakan serta kecanggihan pencetakannya, nyatalah surat layang sekarang memperlihatkan wujudnya organisasi yang tersusun.

Surat-surat layang yang ada sekarang juga memperlihatkan ia hasil daripada pengalaman dan kepakaran penulisnya dalam bidang berkenaan. Mungkin mereka dah lama buat kerja tu. Jadi apabila sudah biasa tulis, mereka tak sedar serta tak peduli langsung akan akibat dan kesannya. Mereka juga tak takut dosa akibatnya.

Yang pasti, surat layang bukan cara menunjukkan kesetiaan atau menonjolkan kemurnian diri. Mencaci dan mencerca orang dengan cara bersembunyi adalah kerja pengecut. Ini bukan kerja anak jantan.

Lebih daripada itu, ia adalah kerja hina. Apakah kita semua mahu tergolong dalam kalangan mereka yang hina itu? Jadi, daripada tulis, cetak dan sebar surat layang, eloklah main layang-layang. Maksud teman, layang-layang yang ada tali!

(END)